

# Buletin



e-ISSN: 2600-8289

Safar 1446H/ Ogos 2024

# ACIS



# MALAYSIA MADANI

*Jiwa Merdeka*

eISSN 2600-8289



9 772600 828001

# Sekalung Budi, Menyemai Bakti



Oleh:  
**Suhaila Sharil**  
Pensyarah Akademi Pengajian Islam  
Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan  
Negeri Sembilan, Kampus Rembau



**Dr. Adibah binti Bahori**  
Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam  
Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan  
Negeri Sembilan, Kampus Rembau



**Pada 12 Julai 2024** telah diadakan majlis kesyukuran doa selamat bagi 2 orang staff UiTM Rembau iaitu Ustazah Masliyana Ismail dan Dr. Mohd Hidayat Mahadi. Bersempena dengan keberangkatan Ustazah Masliyana Ismail yang menunaikan umrah pada 18 Julai 2024 bersama suaminya maka doa selamat tersebut dibaca dan diketuai oleh Ustaz Hisam Satari Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban. Majlis dimulakan dengan ucapan aluan daripada yang menjalankan tugas iatu Ketua Pusat Pengajian Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan Ustaz Nasif Sidquee Bin Pauzi yang memberi amanat kepada Dr. Mohd Hidayat Mahadi yang akan bertukar ke tempat baru sebagai Pensyarah Kanan Jabatan Pengajian Islam Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Ustaz Nasif Sidquee juga mendoakan kemudahan urusan Ustazah Masliyana Ismail dan suaminya untuk menunaikan umrah. Beliau juga mengucapkan sekalung penghargaan dan terima kasih kepada semua barisan pensyarah PTFT di UiTM Rembau sambil mendoakan kesihatan Koordinator ACIS UiTM Rembau yang tidak dapat menghadiri majlis kerana Influenza.

Dr. Mohd Hidayat Mahadi yang mendapat Ijazah Kedoktoran daripada UKM di Institut Islam Hadhari dalam bidang Peradaban Islam, Sosiologi dan Pengurusan Islam, Etika dan Kepimpinan Islam mempunyai pengalaman yang luas dalam pengajaran dan pembelajaran. Beliau yang pernah menjadi Pensyarah di German Malaysia Institute (GMI) dan Saito University College sebelum berkhidmat di UiTM Kampus Alor Gajah dan UiTM Kampus Rembau telah menulis pelbagai artikel dalam jurnal, prosiding, bab dalam buku, buku dan sebagainya. Beliau yang mempunyai 3 cahaya mata ini menetap di Krubong Melaka. Pengalaman dan perjuangan beliau dalam menimba ilmu sangat menjadi sumber inspirasi kepada pensyarah. Semoga beliau terus cemerlang dalam kerjaya di UTHM. Anak didik beliau juga tidak akan melupakan jasa dan bakti yang telah dicurahkan di UiTM Rembau. Sebagai tenaga pengajar dalam Akademi Pengajian Islam Kontemporari, beliau telah menyumbangkan idea untuk memastikan pelajar-pelajar terbina sakhshiahnya dan memberi input serta semangat kepada rakan-rakan pengajian untuk meneruskan pengajian. Semoga ukhwah yang terbina dengan warga ACIS di bumi Negeri Sembilan kekal berpanjangan dengan seorang murabbi bernama Dr. Mohd Hidayat Mahadi.

